

08/09/2001

Kerajaan belum pasti beli pesawat Russia

PEKAN, Jumaat - Kerajaan Malaysia belum membuat sebarang keputusan muktamad mengenai tawaran Kerajaan Russia untuk menjual pesawat tempur pelbagai guna Sukhoi Su-30MK.

Ini kerana satu pasukan daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dihantar ke negara itu sebulan lalu untuk menguji pesawat berkenaan, belum lagi selesai tugas mereka.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata sesuatu pembelian pesawat moden, canggih serta berkeupayaan tinggi seperti itu memerlukan masa agak lama untuk dikaji selidik.

"Ia bukan saja dari segi tawaran komersialnya tetapi juga untuk memastikan kemampuan dan keupayaan pesawat adalah sejajar dalam semua aspek, terutama dari segi kemampuan bertempur.

"Pada masa ini, TUDM belum lagi menguji pesawat itu sepenuhnya bagi membolehkan kita membuat kesimpulan terhadap tawaran Russia itu.

"Apa yang penting kita juga perlu mengenal pasti beberapa perkara, termasuk pemindahan teknologi yang diperlukan demi kepentingan negara kita," katanya selepas majlis perjumpaan dengan isteri nelayan di dewan Orang Ramai Kuala Pahang, dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan muka depan Business Times, semalam, yang menyebut cadangan Kerajaan Malaysia untuk membeli beberapa pesawat Sukhoi SU-30MK dari Russia bernilai US\$35 juta (RM133 juta) setiap satu yang tertangguh sejak empat tahun lalu berikutan krisis ekonomi, dijangka dihidupkan semula.

Najib berkata, pesawat Sukhoi Su-30MK itu adalah sama jenis dengan pesawat yang ditempah Kerajaan India dari Russia.

Menjawab soalan, katanya, beliau tidak menjangkakan ada sebarang keputusan muktamad akan dibuat menjelang Pameran Antarabangsa Maritim Langkawi (Lima) 2001.

"Bagaimanapun, pembelian pesawat lain, seperti helikopter akan dibuat ketika Lima 2001 nanti, tetapi tidak membabitkan pesawat tempur pelbagai guna," katanya.

Mengenai lawatannya ke Russia mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai 12 hingga 16 September, Najib berkata, rombongan negara itu akan mengadakan perjumpaan dengan Kerajaan Russia bagi mendengar mengenai tawaran berkenaan.

(END)